

Usul (47) Setiap hadits yang menyebutkan kelebihan orang-orang yang berwajah cantik (baik laki-laki atau perempuan), pujian Nabi s.a.w. terhadap mereka, perintah Baginda supaya memandang mereka, meminta hajat dengan mereka, atau mereka tidak akan disentuh api neraka, adalah palsu dan tidak berasas sama sekali.

Antara contohnya ialah:

Contoh Pertama:

مَنْ آتَاهُ اللَّهُ عَزَّوَجَلَّ وَجْهًا حَسَنًا وَاسْمًا حَسَنًا وَجَعَلَهُ فِي مَوْضِعٍ غَيْرِ شَايِنٍ لَهُ فَهُوَ مِنْ صَفْوَةِ اللَّهِ عَزَّوَجَلَّ فِي خَلْقِهِ

Bermaksud: Orang yang dikurniakan Allah s.w.t. wajah yang cantik dan nama yang bagus, serta diletakkan pula pada tempat yang tidak meng`aibkannya, bererti dia adalah salah seorang pilihan Allah di kalangan makhlukNya.

Rujukan:

Al-Baihaqi – Syu`ab al-Iman j.3 m/s 278, Ibnu `Asākir - Tārīkh Dimasyq j.48 m/s 362, at-Thabaraani – al-Mu`jam al-Aushath j.4 m/s 386, Ibnu `Adi – al-Kāmil j.3 m/s 320, al-Haitsami – Majma` az-Zawā'id j.8 m/s 194, Ibnu al-Jauzi- al-Maudhu`aat j.1 m/s 159-160), ad-Daraquthni – Ta`līqāt ad-Dāraquthni `Ala al-Majrūhīn m/s 123-124, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu`ah j.1 m/s 102, Ibnu `Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari`ah al-Marfu`ah j.1 m/s 199, as-Syaukaani- al-Fawaa'id al-Majmu`ah m/s 221, Ibnu al-Qaiyyim - al-Manaar al-Munif m/s 62.

Komentar:

(1) Ibnu al-Jauzi mengemukakan hadits di atas dengan sanad berikut:

أَنْبَأَنَا هِبَةُ اللَّهِ بْنُ أَحْمَدَ الْحَرِيرِيُّ قَالَ أَنْبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ الْفَتْحِ قَالَ حَدَّثَنَا الدَّارَقُطْنِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مَخْلَدٍ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ حَبِيبٍ أَبُو عُقَيْلٍ قَالَ حَدَّثَنَا خَلْفُ بْنُ خَالِدٍ الْبَصْرِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا سَلِيمُ بْنُ مُسْلِمٍ الْمَكِّيُّ عَنْ ابْنِ جُرَيْجٍ عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(2) Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi berkata, “Ini adalah hadits tidak sahih. Adapun Salīm, maka kata Yahya: “Dia tidak tsiqah.” An-Nasā’i berkata tentangnya, “Martūk al-Ĥadīths.” Abu Ĥātim Ibnu Hibbaan berkata, “Dia meriwayatkan hadits-hadits maudhu` daripada perawi-perawi tsiqāt.” Ad-Daraquthni pula meletakkan kesalahan di atas pundak Khalaf, bukan Salīm.” Khalaf bagi Ad-Daraquthni adalah

seorang pereka hadits. Sementara Salīm pula perawi muqārab, dan ia tidak tertuduh mereka (mengada-ngadakan) hadits. (Lihat adz-Dzahabi di dalam Mizān al-I'tidāl j.1 m/s 659, ad-Daaraquthni - Ta'liqāt ad-Dāraquthni `Ala al-Majrūhīn m/s 123-124).

(3) Al-Haitsami berkata tentang Khalaf yang tersebut di dalam sanad itu bahawa “Di dalamnya ada Khalaf perawi dha’if.” Ibnu `Adi pula di bawah biografi Salīm bin Muslim al-Khassyāb berkata, “Kebanyakan apa yang diriwayatkannya tidak mahfūzh.”

(4) Bukan orang yang berwajah cantik sahaja terpilih di sisi Allah di kalangan makhlukNya, orang yang hodoh rupanya juga mulia dan terpilih di sisi Allah, jika ia tidak melakukan sesuatu yang meng`aibkan dirinya.

(5) Menurut ajaran agama Islam, terpilihnya seseorang atau tidak di sisi Allah bukan terletak pada rupa paras yang diperolehi manusia tanpa ada sebarang ikhtiarnya. Manusia akan dinilai Allah hanya berdasarkan perbuatan yang memang berada dalam batas ikhtiarnya.

Contoh Kedua:

النَّظَرُ إِلَى الْوَجْهِ الْجَمِيلِ عِبَادَةٌ

Bermaksud: Memandang / melihat wajah yang cantik adalah satu ibadat.

Rujukan:

(Ibnu al-Qaiyyim - al-Manaar al-Munif m/s 62 & Naqdu al-Manqūl m/s 54, (Al-`Ajaluni, Kasyfu al-Khafa' j.2 m/s 384), (Mulla `Ali al-Qari - al-Asraaru al-Marfu`ah Fi al-Akhbaari al-Maudhu`ah m/s 370-371, Muhammad bin Khalil at-Tharabulsi - al-Lu'lu' al-Marshu` m/s 210, Sulaiman bin Shāleh al-Khirāsyi – Ahādīts La Tashihū m/s 1.

Komentar:

(1) Ibnu al-Qaiyyim menukilkan bahawa gurunya Ibnu Taimiyyah ketika ditanya tentang hadits contoh kedua di atas berkata, “Itu adalah kedustaan dan kekarutan yang diriwayatkan daripada Rasulullah s.a.w. Tidak ada sesiapa pun meriwayatkannya dengan isnad yang sahih. Ia adalah hadits maudhu’.”

(2) Wajah cantik siapakah yang kononnya disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. melihatnya adalah satu ibadah itu? Lelakikah atau perempuan? Wajah cantik mahramkah atau bukan mahram? Tidak pula tersebut!

(3) Mungkin hadits-hadits yang diberikan di bawah nanti dapat dikaitkan dengannya!

١- النَّظَرُ إِلَى عَلِيٍّ عِبَادَةٌ

Bermaksud: Melihat / memandang kepada `Ali adalah ibadat.

٢- النَّظَرُ إِلَى وَجْهِ الْعَالَمِ عِبَادَةٌ، وَكَذَا الْجُلُوسُ مَعَهُ وَالْأَكْلُ وَالْكَلَامُ

Bermaksud: Melihat wajah orang alim adalah satu ibadah. Demikian juga duduk dan makan bersamanya, dan berbual-bual dengannya.

٣- النَّظَرُ فِي الْمَرْأَةِ الْحَسَنَاءِ وَالْخَضْرَاءِ يَزِيدَانِ فِي الْبَصَرِ

Bermaksud: Melihat perempuan yang cantik dan warna hijau menambahkan kecerahan mata.

Akan tetapi ketahuilah, semua hadits tersebut itu juga maudhu`. Tiada khilaf di antara para `ulama' hadits tentang maudhu`nya.

(4) Hadits-hadits seperti inilah agaknya digunakan oleh pembawa-pembawa ajaran sesat untuk mengharuskan ma`shiat dan menyebarkanluaskannya dalam masyarakat.

(5) Sukar sekali kepada orang-orang yang mengenali ajaran Nabi Muhammad s.a.w., menerima hadits-hadits seperti itu sebagai sabda Baginda. Ia terlalu remeh, karut dan mustahil terkeluar dari mulut seorang nabi.

(6) Mana mungkin Rasulullah menganjurkan suatu perkara yang boleh menjerumuskan umatnya ke dalam ma`shiat! Selain itu, perbuatan melihat dalam keadaan terpaku pandangan pada wajah seseorang yang dilihat, kerana kecantikannya semata-mata, tentu sekali akan membuatkan orang yang dilihat berasa resah, rima dan serba salah!! Apakah Rasulullah s.a.w. akan menganjurkan perbuatan seperti itu?!

(7) Lebih mudah lagi untuk diterima kalau dikatakan “Melihat / memandang wajah nabi adalah suatu ibadat”. Namun, yang seperti ini pun tiada, apalagi kalau seperti tersebut di dalam contoh kedua di atas!

Contoh Ketiga:

أَطْلُبُوا الْخَيْرَ عِنْدَ حَسَنِ الْوُجُوهِ

Bermaksud: Carilah kebaikan pada orang-orang yang cantik wajahnya.

Rujukan:

At-Tabaraani – al-Mu`jam al-Ausath j.6 m/s 176, Abu Nu`aim – Akhbār Ashfahān j.2 m/s 59 & 214, Abu Ya`la – Musnad Abi Ya`la j.4 m/s 385, al-Bukhari – at-Tārīkh al-Kabīr j.1 m/s 51/157, al-Khathīb al-Baghdādī – Tārīkh Baghdād j.7 m/s 11 & j.13 m/s 160, Abul Qāsim Tammām – al-Fawā'id j.1 m/s 340, Abu asy-Syeikh – Amsāl al-Ĥadīths m/s 106-110, Ibnu `Adi – al-Kāmil j.4 m/s 293, Ibnu al-Jauzi – al-Maudhū'āt j.2 m/s 159-160, as-Suyuthi - al-La'ālī' al-Mashnū'ah j.2 m/s 65-67, al-Albaani - Silsilatu al-Ahaditsi ad-Dha'iifah Wa al-Maudhu'ah j.6 m/s 376.

Komentar:

(1) Hadits di atas kononnya telah diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat Nabi s.a.w. dengan sedikit perbedaan pada lafaz-lafaznya. Mereka ialah `Aaishah, Ibnu `Abbaas, `Abdullah bin `Umar, Jābir bin `Abdillah, `Abdullah bin `Amar, Anas bin Malik, Abu Hurairah dan Abu Bakrah.

(2) Semua saluran riwayat daripada para sahabat yang tersebut tadi bermasalah, kerana adanya perawi-perawi matrūk, pereka hadits, pendusta dan perawi-perawi lain yang ditajrīh dengan teruk oleh para `ulama' Rijāl hadits.

(3) Menurut as-Suyuthi, yang terbaik daripadanya ialah hadits `Aaishah. Tetapi ia juga tidak sahih. As-Suyuthi telah mengemukakan hadits `Aaishah melalui tiga saluran riwayat:

(i) Dengan sanad al-`Uqaili seperti berikut:

(العقيلي) حدثنا محمد بن إسماعيل حدثنا الحسن بن علي الحلواني حدثنا يزيد بن هارون أنبأنا شيخ من قريش عن الزهري عن عائشة قالت قال رسول الله اطلبوا الخير عند حسن الوجوه وتسموا بخياركم وإذا أتاكم كريم قوم فأكرموه.

Setelah mengemukakannya as-Suyuthi menukilkan kata-kata Muhammad bin Isma'il (guru al-Uqaili) bahawa Syeikh yang tidak tersebut namanya di dalam sanad itu ialah Sulaiman bin Arqam. Dia adalah seorang perawi matrūk.

(ii) Dengan sanad Ibnu `Adi seperti berikut:

(ابن عدي) حدثنا هنبل بن محمد حدثنا عبد الله بن الجبار حدثنا الحكم بن عبد الله الأيلي حدثنا الزهري عن سعيد بن المسيب عن عائشة أن النبي قال اطلبوا الحاجات عند حسان الوجوه.

Setelah mengemukakannya as-Suyuthi berkata, “Al-Ĥakam, hadits-haditsnya maudhu'.”

(iii) Dengan sanad Imam Bukhari di dalam at-Tārīkh al-Kabīrnya, seperti berikut:

(البخاري) في التاريخ حدثني إبراهيم حدثنا معن حدثنا عبد الرحمن بن أبي بكر المليكي عن امرأته جبرة عن أبيه عن عائشة عن النبي أنه قال اطلبوا الخير عند حسان الوجوه.

Setelah mengemukakannya as-Suyuthi berkata, “Al-Mulaiki (perawi) matrūk.”

Walaupun as-Suyuthi mengatakan al-Mulaiki mempunyai beberapa orang mutābi` yang turut meriwayatkan hadits itu daripada Jabrah, namun kewujudan mereka tetap tidak akan menaikkan taraf hadits itu sehingga menjadi lebih baik. Beberapa orang mutābi` yang dimaksudkan oleh as-Suyuthi di sini ialah:

(i) Isma'il bin `Ayyāsy dalam riwayat Abu Ya'la berikut:

حَدَّثَنَا دَاوُدُ بْنُ رُشَيْدٍ، حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ (بن عياش)، عَنْ خَيْرَةَ بِنْتِ مُحَمَّدٍ بِنْتِ ثَابِتِ بْنِ سَبَاحٍ، عَنْ أُمِّهَا، عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اطلبوا الخيرَ عندَ حسانِ الوجوه

(ii) Khalid bin `Abdir Rahman al-Makhzūmi menurut riwayat al-Baihaqi di dalam Syu`ab al-Iman berikut:

أَخْبَرَنَا أَبُو عَبْدِ اللَّهِ الْحَافِظُ، حَدَّثَنَا أَبُو أَحْمَدَ بَكْرُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنُ حَمْدَانَ الصَّيْرَفِيُّ بِمَرْوٍ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ بْنُ الْفَضْلِ الْبَلْخِيُّ، حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْمَخْزُومِيُّ، حَدَّثَنَا جَبْرَةُ بِنْتُ مُحَمَّدٍ بِنْتِ ثَابِتِ بْنِ سَبَاحٍ، عَنْ أَبِيهَا، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " اطلبوا الخيرَ عندَ حسانِ الوجوه. وَرَوَاهُ أَيْضًا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ، عَنْ جَبْرَةَ

(iii) `Abdullah bin `Abdul `Azīz daripada Jabrah, sebagaimana disebutkan oleh al-Baihaqi di dalam Syu`ab al-Iman secara ta'liq.

Sebabnya hadits contoh ketiga riwayat `Aaishah itu tidak menjadi lebih baik walaupun ada riwayat mutāba`ahnya ialah kerana beberapa alasan seperti di bawah ini:

(i) Di dalam riwayat Abu Ya`la terdapat Isma`il bin `Ayyāsy. Walaupun beliau dianggap seorang alim di Syam dan tsiqah oleh sesetengah tokoh Rijāl hadits, namun kebanyakan mereka menganggap beliau perawi dha`if, terutamanya apabila meriwayatkan hadits daripada orang-orang yang tidak senegeri dengannya. Tidak jelas Jabrah binti Muhammad bin Tsābit itu orang mana, kerana beliau sendiri adalah perawi majhul. Sedangkan Isma`il bin `Ayyāsy adalah orang Syam.

(ii) Khalid bin `Abdir Rahman al-Makhzūmi adalah seorang perawi yang dikatakan ذاهب الحديث oleh Imam Bukhari. Dzāhibul Ḥadīts adalah satu lafaz jarḥ yang menunjukkan kedha`ifan yang teruk pada seseorang perawi. Hadits-hadits perawi dzāhibul ḥadīts tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh juga dijadikan sebagai sokongan. Abu Haatim pula berkata tentangnya, “Mereka telah meninggalkan haditsnya (تركوا حديثه).” Ini juga lafaz jarḥ yang teruk terhadap perawi. Hadits seseorang perawi yang dikatakan begini juga tidak boleh dijadikan hujah dan tidak boleh dijadikan sebagai sokongan.

(iii) `Abdullah bin `Abdul `Azīz pula tidak jelas yang mana satu. Kalau ia `Abdullah bin `Abdul `Azīz bin Abi Tsābit al-Laitsi, maka boleh dikatakan semua `ulama` Rijāl menganggapnya perawi dha`if. Kata Ibnu Hibbaan, dia perawi matrūk.

Kalau ia `Abdullah bin `Abdul `Azīz az-Zuhri, maka kata al-`Uqaili, “Riwayatnya tidak berasas sama sekali.” Adz-Dzahabi pula berkata, “Dia adalah orang yang sama dengan `Abdullah bin `Abdul `Azīz bin Abi Tsābit al-Laitsi yang tersebut sebelum ini.

Kalau ia `Abdullah bin `Abdul `Azīz al-Madani pula, maka sama saja orangnya dengan `Abdullah bin `Abdul `Azīz bin Abi Tsābit al-Laitsi atau `Abdullah bin `Abdul `Azīz az-Zuhri.

Kecuali kalau `Abdullah bin `Abdul `Azīz al-`Umari az-Zahid, kerana beliau dikatakan tsiqah oleh an-Nasā`i. Tetapi beliau perawi Sunan Tirmidzi.

Riwayat daripada `Abdullah bin `Abdul `Azīz dikemukakan oleh al-Baihaqi hanya secara ta`liq sahaja. Ini menunjukkan riwayat itu bagi al-Baihaqi adalah dha`if, dan

`Abdullah bin `Abdul `Azīz yang tersebut di dalam sanadnya itu tentunya bukan `Abdullah bin `Abdul `Azīz al-`Umari az-Zahid.

(iv) Jabrah / Khairah dan ibunya adalah dua orang perawi majhul. Di kalangan `ulama' Rijāl hadits tidak ada orang yang menyebut namanya (biografinya) di dalam kitab-kitab mereka, meskipun nama ayahnya ada tersebut. Hafizh Ibnu Hajar mengatakan ayahnya shadūq. Ibnu Hibbaan pula mengatakan beliau tsiqah. Ramai juga orang meriwayatkan daripadanya.

(v) Terdapat Idhthirāb pada sanadnya. Di dalam sesetengah saluran tersebut nama Jabrah, dia meriwayatkan daripada ayahnya. Di dalam sesetengah saluran riwayat pula dia meriwayatkan daripada ibunya, bukan dari bapanya. Di dalam sesetengah saluran riwayat, namanya Khairah bukan Jabrah. Sementara nama ibunya pula langsung tidak diketahui.

(4) Sekarang mari kita nilai pula hadits contoh ketiga itu berpandukan kaedah dirayah hadits. Apa ertinya “Carilah kebaikan pada orang-orang yang cantik wajahnya”? Apakah ia bererti, kerana kebaikan itu hanya ada pada orang-orang yang berwajah cantik sahaja? Kalau begitu, jelas ia bercanggah dengan kenyataan.

(5) Adakah orang-orang yang berwajah cantik itu baik semuanya? Tentu sekali tidak. Atau adakah mereka lebih baik daripada orang-orang yang tidak cantik wajahnya? Tidak juga dapat dipastikan. Kalau begitu, apa ertinya?

(6) Apakah “kebaikan” yang dimaksudkan di dalam hadits itu? Hartakah? Duitkah? Dermakah? Ilmukah? Kemahirankah? Pertolongankah? Atau apa sebenarnya? Cakaplah apa pun, kebaikan-kebaikan dalam pelbagai bentuk dan rupanya tidak hanya ada pada orang-orang yang berwajah cantik sahaja. Ini kenyataan.

(7) Kebaikan yang tersebut di dalam hadits ini mungkin bermaksud hajat-hajat, mengambil kira lafaz yang terdapat di dalam sesetengah riwayat (اَطْلُبُوا الْخَوَائِجَ عِنْدَ حَسَنِ الْوُجُوهِ). Kalaupun diterima sekalipun kebaikan itu dengan erti hajat, maka tidak semua hajat anda dapat diselesaikan oleh orang-orang yang berwajah cantik!

(8) Hadits-hadits seperti ini mendedahkan orang-orang yang menerimanya kepada perangkap penipuan yang sering muncul dalam masyarakat melalui wajah-wajah yang cantik.

(9) Hadits ini tidak boleh sama sekali dikaitkan dengan hadits sahih berikut:

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah itu cantik. Dia suka kepada kecantikan. (Hadits riwayat Muslim, Tirmidzi, Ahmad, at-Tabaraani, al-Haakim dan lain-lain).

Sebabnya ialah konteks kedua-duanya berbeza dan berlainan. Kerana itu tidak boleh ia dijadikan sebagai riwayat mutāba'ah atau syawāhid bagi hadits contoh keempat. Untuk mengetahui perbezaan konteks, anda hendaklah melihat hadits الْجَمَالَ يُحِبُّ الْجَمَالَ itu selengkapnya. Lihat umpamanya versi riwayat Imam Muslim ini:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ ذَرَّةٍ مِنْ كِبَرٍ قَالَ رَجُلٌ إِنَّ الرَّجُلَ يُحِبُّ أَنْ يَكُونَ ثَوْبُهُ حَسَنًا وَتَغْلُهُ حَسَنَةً قَالَ إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ الْكِبَرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَغَمَطُ النَّاسِ.

Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: “Tidak akan masuk syurga orang yang ada di dalam hatinya walaupun seberat dzarrah kibr (kesombongan). (Maka) Berkatalah seorang lelaki, “Sesungguhnya ada orang suka pakaiannya cantik dan kasutnya juga cantik.” (Mendengar kata-kata orang itu) Nabi s.a.w. (pun) bersabda: “Sesungguhnya Allah itu cantik. Dia suka kepada kecantikan. Kibr (kesombongan) yang dimaksudkan ialah menolak kebenaran dan menghina orang.”

(10) Orang-orang yang tidak menerima hadits contoh ketiga tersebut sebagai maudhu', malah menganggapnya sahih, hasan atau dha'if sahaja paling teruk pun, menta'wilkannya dengan beberapa ta'wilan. Di bawah ini diperturunkan ta'wilan-ta'wilan mereka:

(i) *حسن الوجه* tidak dipakai mereka dengan erti orang-orang yang berwajah cantik, sebaliknya ia hanya bererti orang-orang yang manis mukanya dan mesra.

(ii) Orang-orang yang berwajah cantik itu memang bukan semuanya baik dan tidak semestinya baik, tetapi lebih diharapkan ada kebaikan pada mereka. Menurut bahasa

orang-orang yang menta'wil begini, dikatakan (هم مظنة للخير), kerana kecantikan luaran pada kebiasaannya menunjukkan kecantikan dalaman seseorang.

(iii) حسان الوجوه bukan bererti orang-orang yang berwajah cantik, tetapi ia bererti pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua yang baik-baik. Kerana salah satu erti popular bagi perkataan وجه (jama`nya ialah وجوه) dalam bahasa `Arab ialah ketua.

(iv) حسان الوجوه bukan bererti orang-orang yang berwajah cantik, tetapi ia bererti orang-orang yang manis mukanya apabila diminta sesuatu daripadanya, dan ketika memberi juga mukanya manis. Antara bukti yang menyokong pendapat mereka ialah jawapan Ibnu `Abbaas ketika orang-orang berkata kepadanya: “Alangkah ramai orang-orang yang hodoh, tetapi mereka menyempurnakan hajat-hajat orang ramai”. Maka kata Ibnu `Abbaas: “Maksud Beliau (Nabi s.a.w.) ialah orang-orang yang manis mukanya ketika diminta hajat.”

Lihat sebagai contohnya hadits Ibnu `Abbaas yang dikemukakan oleh al-Khathīb al-Baghdādī di dalam Tārīkh Baghdād (j.7 m/s 461) di bawah ini:

أَخْبَرَنَا إِبرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ أَحْمَدَ بْنِ إِبرَاهِيمَ الْحَكِيمِيِّ، قَالَ: حَدَّثَنَا أَيُّوبُ بْنُ سُلَيْمَانَ الصُّغْدِيُّ، قَالَ: حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ يَزِيدَ أَبُو زَكَرِيَّا الْخَوَّاصُ، قَالَ: حَدَّثَنَا مُصْعَبُ بْنُ سَلَامٍ التَّمِيمِيُّ، عَنْ عَبْدِ الْقُرَشِيِّ، عَنْ عَمْرِو بْنِ دِينَارٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " اطلُّوا الْخَيْرَ عِنْدَ جَسَانِ الْوُجُوهِ "، قَالَ: فَقِيلَ لَابْنِ عَبَّاسٍ: كَمْ مِنْ رَجُلٍ قَبِيحِ الْوُجْهِ قَضَاءٌ لِلْحَاجَةِ؟ قَالَ: إِنَّمَا يَعْنِي حَسَنَ الْوُجْهِ عِنْدَ طَلَبِ الْحَاجَةِ

Hadits Ibnu `Abbaas yang dijadikan sebagai bukti ini juga sangat dha`if. Ia sebenarnya tidak layak dijadikan sebagai bukti dan hujah. Setiap saluran riwayatnya mengandungi perawi-perawi yang sangat bermasalah. Ada di antaranya pendusta, pereka hadits, matrūk majhūl, dan lain-lain.

Di dalam riwayat al-Khathīb al-Baghdādī ini juga terdapat perawi-perawi seperti itu. Mush`ab bin Salām at-Tamīmi adalah seorang perawi yang dikatakan dha`if oleh `Ali bin al-Madīni, Yahya dan Abu Daud. Ibnu Hibbaan pula berkata, “Dia perawi yang banyak tersalah dan tidak boleh dijadikan hujah.” (Lihat al-Maudhū`āt j.2 m/s 163, Mīzān al-I`tidāl j.4 m/s 120).

(11) Setelah diketahui bahawa semua saluran riwayat tentangnya bermasalah berpandukan kaedah riwayat hadits dan Ilmu Rijāl Hadits, di samping itu, ia bercanggah

pula dengan kaedah dirayah hadits, maka sudah tidak diperlukan lagi ta'wilan-ta'wilan tersebut. Apa yang tinggal sebagai panduan untuk kita ialah pengalaman, ma'lumat-ma'lumat yang lebih banyak tentang seseorang, atau lain-lain petanda yang menunjukkan perangai dan tabi'atnya, berpandukan ilmu-ilmu seperti ilmu firasat, ilmu Qiyāfah dan sebagainya.

(12) Bagi penulis, andaikata hadits tersebut bertaraf hasan atau hanya dha'if ringan sahaja, dan ia boleh diterima dengan syarat dita'wil, maka keempat-empat ta'wilan yang dikemukakan pada poin (10) di atas memang mempunyai nilainya yang tersendiri.

Contoh Keempat:

عَلَيْكُمْ بِالْوُجُوهِ الْمَلَّاحِ وَالْجَدِّقِ السُّودِ فَإِنَّ اللَّهَ يَسْتَحْيِي أَنْ يُعَذِّبَ وَجْهًا مَلِيحًا بِالنَّارِ

Bermaksud: Carilah orang-orang yang berwajah cantik dan berwarna hitam anak matanya, kerana sesungguhnya Allah malu hendak menyiksa (orang yang ber)wajah cantik dengan neraka.

Rujukan:

Ibnu al-Jauzi- al-Maudhu'at j.1 m/s 160-161, as-Suyuthi – al-La'aali'u al-Mashnu'ah j.1 m/s 104, al-Khathīb al-Baghdādī – Tārikh Baghdād j.7 m/s 282-283, al-Manār al-Munīf m/s 62, al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 218, Ibnu 'Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.1 m/s 174, Mulla 'Ali al-Qari- al-Asraaru al-Marfu'ah Fi al-Akhbaari al-Maudhu'ah m/s 436, al-Albaani- Silsilatu al-Ahaditsi ad-Dha'iifah Wa al-Maudhu'ah j.1 m/s 133, Muhammad bin Khalil al-Massyisyi at-Tharabulsi - al-Lu'lu' al-Marshu' m/s123.

Komentar:

(1) Ibnu al-Jauzi mengemukakan hadits itu melalui tiga saluran riwayat. Lihat sanad-sanadnya bersama matannya di bawah ini:

١- أَنبَأَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْقَزَازُ قَالَ أَنبَأَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ ثَابِتٍ قَالَ أَنبَأَنَا أَبُو الْقَاسِمِ الْأَزْهَرِيُّ وَأَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْوَكَيْعُ قَالَا أَنبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ مُوسَى التَّيْسَابُورِيُّ قَالَ أَنبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ طَاهِرٍ الْقُرَشِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ صَالِحٍ الْبَصْرِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ سُلَيْمَانَ الرَّيَّانِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ تَوْبَةَ الْعَنْبَرِيِّ ح وَأَنبَأَنَا مُحَمَّدُ بْنُ نَاصِرٍ قَالَ أَنبَأَنَا عَبْدُ الْمُحْسِنِ بْنُ مُحَمَّدٍ التَّاجِرُ قَالَ أَنبَأَنَا مَسْعُودُ بْنُ نَاصِرٍ السَّجِسْتَانِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو سَعِيدٍ وَجِيهٌ بْنُ أَبِي

الطَّبِيبُ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرٍ مُحَمَّدُ بْنُ أَحْمَدَ بْنِ عُثْمَانَ الطَّرَازِيِّ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو سَعِيدٍ الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ زَكَرِيَّا الْعَدَوِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ سُلَيْمَانَ بْنِ سَالِمِ بْنِ فَاخِرِ الْهَجِيمِيِّ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا تَوْبَةُ الْعَنْبَرِيُّ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " عَلَيْكُمْ بِالْوُجُوهِ الْمَلَّاحِ وَالْحَدَقِ السُّودِ فَإِنَّ اللَّهَ يَسْتَحْيِي أَنْ يُعَذِّبَ وَجْهًا مَلِيحًا بِالنَّارِ ".

٢- أَنْبَأَنَا أَبُو مَنْصُورٍ الْقَزَازِيُّ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرٍ أَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو سَعْدٍ الْمَالِينِيُّ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو الْقَاسِمِ عَبْدِ اللَّهِ بْنُ الْحَسَنِ بْنِ سُلَيْمَانَ الْمُقَرِّيَّ قَالَ حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ زُفَرٍ قَالَ حَدَّثَنَا الصَّبَّاحُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَبُو بَشِيرٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ تَوْبَةَ الْعَنْبَرِيِّ عَنْ أَنَسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " عَلَيْكُمْ بِالْوُجُوهِ الْمَلَّاحِ وَالْحَدَقِ السُّودِ فَإِنَّ اللَّهَ يَسْتَحْيِي أَنْ يُعَذِّبَ وَجْهًا مَلِيحًا بِالنَّارِ ".

٣- أَنْبَأَنَا أَبُو مَنْصُورٍ الْقَزَازِيُّ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو بَكْرٍ أَحْمَدُ بْنُ عَلِيٍّ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو سَعْدٍ الْمَالِينِيُّ قَالَ أَنْبَأَنَا أَبُو الْقَاسِمِ عَبْدِ اللَّهِ بْنُ الْحَسَنِ بْنِ سُلَيْمَانَ الْمُقَرِّيَّ قَالَ حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ زُفَرٍ قَالَ حَدَّثَنَا الصَّبَّاحُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ أَبُو بَشِيرٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ تَوْبَةَ الْعَنْبَرِيِّ عَنْ أَنَسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " عَلَيْكُمْ بِالْحَدَقِ السُّودِ فَإِنَّ اللَّهَ يَسْتَحْيِي أَنْ يُعَذِّبَ الْوَجْهَ الْحَسَنَ بِالنَّارِ ".

(2) Setelah mengemukakannya Ibnu al-Jauzi mengomentarnya dengan berkata, “Ini adalah hadits maudhu`. Orang yang dikatakan telah mengada-ngadaknya ialah Abu Sa`id al-Ĥasan bin `Ali bin Zakariya bin Sāleh bin `Aashim bin Zufar al-`Adawi. Perawi-perawi selalu mentadliskan namanya supaya tidak dikenali. Ini adalah satu jenayah yang teruk dilakukan mereka terhadap Islam.

Di dalam isnad pertama, dia disebut dengan nama al-Ĥasan bin Shāleh. Di dalam isnad kedua, dia disebutkan dengan nama Abu Sa`id al-Ĥasan bin `Ali. Di dalam isnad ketiga pula dia disebut dengan nama al-Ĥasan bin `Ali bin Zufar. Dia seorang yang sangat berani terhadap Allah. Apalah gunanya dia mengadakan hadits itu kalau dia sendiri tahu bahawa berapa ramai orang-orang yang cantik wajahnya, tetapi tetap juga masuk neraka, kerana mereka mati dalam keadaan kafir?!

Ibnu `Adi berkata, “Abu Sa`id al-`Adawi mengada-ngadakan (mereka) hadits. Kami menganggap bahkan yakin dialah yang telah mereka hadits itu.”

Ibnu Hibbaan berkata, “Dia selalu meriwayatkan (hadits) daripada syeikh-syeikh yang tidak pernah dilihatnya dan mengada-ngadakan hadits atas nama orang-orang yang dilihatnya.”

Ad-Daraquthni pula berkata, “Dia perawi matrūk.”

(3) Hadits yang lebih kurang sama mafhumnya dengan hadits contoh keempat itu ialah yang diriwayatkan oleh ad-Dailami. Lihat hadits yang dimaksudkan bersama sanadnya di bawah ini:

(الدليمي) أنبأنا بنجير بن منصور عن جعفر بن محمد بن الحسين الأبهري وعن علي بن أحمد الحروري عن جعفر بن أحمد الدقاق عن عبد الملك بن محمد الرقاشي عن عمرو بن مرزوق عن شعبة عن قتادة عن أنس مرفوعا إن الله تعالى لا يعذب حسان الوجوه سود الحديق.

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak akan menyiksa orang-orang yang berwajah cantik dan berwarna hitam anak matanya.

Perawi-perawi di bawah ar-Raqāsyī majhūl semuanya. Nama-nama mereka tidak ditemui di dalam kitab-kitab Rijāl hadits. Ar-Raqāsyī pula walaupun seorang perawi Sunan Ibnī Majah dan dianggap shadūq, namun setelah datang ke Baghdad fikirannya bercelaru teruk, sehingga banyaklah kesilapan yang berlaku pada sanad-sanad dan juga matan-matan hadits yang diriwayatkannya.

Boleh jadi hadits ini berpunca daripada kecelaruan fikirannya yang sangat teruk itu. boleh jadi juga ia merupakan hasil rekaan salah seorang perawi majhul di bawahnya. Demikianlah kata al-Albāni.

Ibnu `Arrāq pula di dalam Tanzīh asy-Syarī`ah menulis, “Di dalam Sanadnya ada Ja`far bin Ahmad ad-Daqqāq, dialah puncunya pada pandanganku.”

(4) Tidak ada sebarang keraguan tentang kekarutan dan kepalsuan hadits-hadits seperti ini, kerana ia jelas bercanggah dengan ajaran Islam. Islam mengaitkan pembalasan amalan seseorang manusia di akhirat kelak dengan amalan-amalan dan usaha-usaha yang dilakukannya semasa di dunia. Jika baik, maka baiklah balasannya. Dan jika jahat atau buruk, maka buruklah pula balasannya. Sesuai dengan firman Allah:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۖ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۖ

Bermaksud: Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. (7)

Dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar dzarrahpun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya juga. (8) (Az-Zalzalah:7-8).

(5) Hadits-hadits seperti itu memang bercanggah dengan ajaran Islam yang tidak mentaklifkan manusia dengan sesuatu yang di luar daripada batas ikhtiar dan kemampuannya. Mendapat wajah yang cantik atau warna anak mata yang hitam bukan berada dalam ikhtiar dan pilihan manusia. Kerana itu ia tidak seharusnya menjadi sebab bagi seseorang masuk syurga atau neraka.

(6) Ia juga bercanggah sekian banyak hadits Rasulullah s.a.w. Antaranya ialah sabda Baginda berikut:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Bermaksud: Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa-rupa dan harta bendamu, tetapi Dia melihat kepada hati-hati dan amalan-amalanmu. (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Ibnu Hibbaan dan Ibnu Majah).

(7) Kalaupun semata-mata mempunyai wajah yang cantik dapat menghindarkan seseorang daripada masuk neraka, niscaya Abu Lahab adalah antara orang yang tidak akan Allah masukkan ke dalam neraka. Sebabnya ialah ia sangat terkenal dengan kecantikan rupa parasnya. Bukankah kerana Abu Lahablah Surah al-Masad diturunkan Allah s.w.t.? Dan bukankah Allah telah berfirman di dalamnya:

سَيَصْلَىٰ نَارًا ذَاتَ لَهَبٍ ﴿٣﴾

Bermaksud: Kelak dia (Abu Lahab) akan masuk ke dalam api (neraka) yang marak menjulang. (al-Masad:3).

(8) Daripada perbincangan dan kajian yang lalu dapatlah kiranya difahami kenapakah Imam Ibnu al-Qayyim pernah berkata bahawa setiap hadits yang menyebutkan kelebihan orang-orang yang berwajah cantik, pujian Nabi s.a.w. terhadap mereka, perintah Baginda supaya memandangi mereka, meminta hajat dengan mereka, atau mereka tidak akan disentuh api neraka, adalah palsu, dusta dan rekaan semata-mata.